

Perkara
VIII

TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

1.0 Pengenalan

Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) memainkan peranan utama dalam membentuk dan menyokong sesebuah organisasi seperti UniMAP yang bercirikan kampus teragih. Dari aspek pengurusan universiti, ICT telah dan akan terus digunakan untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti. ICT memainkan peranan dalam mempermudah dan mengurus proses kerja yang melibatkan pentadbiran, pengurusan, pengajaran, pembelajaran dan sebagainya menjadi lebih berkesan dan seterusnya meningkatkan mutu perkhidmatan yang disediakan.

Dalam konteks ini, UniMAP juga sedang merekabentuk senibina sistem aplikasi berasaskan ciri-ciri berikut :

1. Menyokong struktur operasi cadangan aplikasi.
2. Disepadukan dengan teknologi terkini.
3. Menjamin tahap kesediaan sistem yang tinggi.
4. Mempunyai ciri rekabentuk modular dan scalable bagi menangani pertambahan pesat transaksi dan pengguna.
5. Mengikuti piawaian terbuka dan interoperability.
6. Menggunakan teknologi yang terbukti dari pembekal penyelesaian yang telah berpengalaman dan mempunyai kepakaran.
7. Mempunyai ciri-ciri keselamatan.

Selain itu, ICT juga diguna dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu peranan perkhidmatan teknologi maklumat perlu diberi perhatian dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran (P & P) berjalan mengikut perancangan. Ini akan memastikan proses P & P menarik dan berkesan dalam melahirkan graduan yang berkualiti yang seterusnya akan menyumbang khidmat mendidik generasi masa hadapan di seluruh Malaysia.

2.0 Pelaksanaan Perkhidmatan Rangkaian Kampus Teragih UniMAP 2010

Evolusi rangkaian maklumat kampus dan arkitektur pengkomputeran telah disediakan berasaskan kewujudan keperluan dan peluang penambahbaikan yang dikenalpasti. Penyelesaian terhadap setiap isu melibatkan hubungan rangkaian antara kampus UniMAP melibatkan pelbagai aspek untuk diteliti dan merupakan satu tugas yang mencabar kerana hubungan rangkaian itu sendiri merupakan tunjang kepada keseluruhan perkhidmatan ICT dan boleh dikatakan sebagai kayu pengukur kepada prestasi sesebuah jabatan ICT.

Namun demikian, walaupun cabaran utama dalam memantapkan perkhidmatan ICT tersebut adalah

persekitaran UniMAP itu sendiri iaitu senario kampus teragih, dengan perkembangan dalam teknologi pengkomputeran dan komitmen kakitangan, peluang membina dan mewujudkan infrastruktur yang mempunyai tahap kebolehpercayaan yang baik masih dapat disepadukan ke dalam arkitektur kampus UniMAP dengan nilai dan potensinya tersendiri.

2.1 Kampus Teragih UniMAP 2010 yang baru

Bil	Lokasi	Kapasiti Litar Suwa
1	Taman Pengkalan Jaya	2 Mbps
2	Taman Haz Melati	2 Mbps
3	Kolej Kediaman Simpang Empat	2 Mbps
4	Pusat Islam	1.5 Mbps

2.2 Naiktaraf Talian Litar Suwa Sedia Ada

Bil	Lokasi	Kapasiti Litar Suwa Sedia Ada	Kapasiti Baru Litar Suwa
1	Internet Kampus Kubang Gajah	34 Mbps	100 Mbps
2	Internet Kampus Pauh	16 Mbps	50 Mbps

2.3 Rangkaian Premis Baru UniMAP - Taman Pengkalan Jaya

Taman Pengkalan Jaya merupakan lokasi terbaru Kampus Teragih UniMAP yang menempatkan Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan (PPIPT). Bangunan ini mempunyai 2 blok iaitu Blok A dan Blok B. Jaringan fiber optik sepanjang 80 meter adalah tulang belakang bagi menyambung Blok A dan B. Blok A adalah merupakan 4 lot kedai yang menempatkan 2 makmal komputer, bilik pensyarah serta bilik ICT yang menyediakan sambungan talian litar suwa 2 Mbps ke Kubang Gajah. Blok B terdiri daripada 2 lot kedai yang merupakan pejabat PPIPT serta bilik mesyuarat dan bilik pensyarah.

Bil	Blok	Bil. Lot	Kepenggunaan Ruang	Bil. Punca Data (Data Point)
1	A	4	Makmal komputer, bilik pensyarah dan bilik kuliah	117 unit
2	B	2	Pejabat, bilik mesyuarat dan bilik pensyarah	40 unit

Jadual 1 : Pembangunan Rangkaian Taman Pengkalan Jaya

2.4 Rangkaian Premis Baru UniMAP - Taman Haz Melati

Taman Haz Melati merupakan lokasi Kampus Teragih UniMAP yang menempatkan Pusat Pengajian Biosistem. Bangunan ini mempunyai 2 blok iaitu Blok A dan Blok B. Jaringan fiber optik sepanjang 100 meter adalah tulang belakang bagi menyambung Blok A dan B. Blok A adalah merupakan 5 lot kedai yang



menempatkan bilik pensyarah dan makmal serta bilik ICT yang menyediakan sambungan talian litar suwa 2 Mbps ke Kubang Gajah. Blok B pula terdiri daripada 5 lot kedai yang merupakan pejabat am Pusat Pengajian Biosistem, kafeteria, bilik kuliah dan ruang gunasama.

Bil	Blok	Bil. Lot	Kepenggunaan Ruang	Bil. Punca Data (Data Point)
1	A	5	Makmal komputer, bilik pensyarah dan bilik kuliah	48 unit
2	B	5	Pejabat, bilik kuliah dan ruang gunasama	30 unit

Jadual 1 : Pembangunan Rangkaian Taman Haz Melati

2.5 Rangkaian Premis Baru UniMAP - Kolej Kediaman I, Simpang Empat

Simpang Empat merupakan lokasi Kampus Teragih UniMAP yang menempatkan Kolej Kediaman. Bangunan ini mempunyai 5 blok iaitu Blok A, B, C, D dan E. Jaringan fiber optik sepanjang 660 meter adalah tulang belakang bagi menyambung Blok A, B, C, D, dan E. Blok E menempatkan pejabat kolej kediaman serta bilik ICT yang menyediakan sambungan talian litar suwa 2 Mbps ke Kubang Gajah. Blok A, B, C, D dan E adalah pangsapuri 5 tingkat yang mempunyai 20 rumah setiap blok.

Bil	Blok	Bil. Rumah	Kepenggunaan Ruang	Bil. Punca Data (Data Point)
1	A	20	Kediaman Pelajar	20 unit
2	B	20	Kediaman Pelajar	20 unit
3	C	20	Kediaman Pelajar	20 unit
4	D	20	Kediaman Pelajar	20 unit
5	E	20	Pejabat & Kediaman pelajar	41 unit

Jadual 1 : Pembangunan Rangkaian Kolej Kediaman Simpang Empat

2.6 Rangkaian Premis Baru UniMAP - Pusat Islam

Kuala Perlis menempatkan satu lagi lokasi terbaru Kampus Teragih UniMAP iaitu Pusat Islam. Bangunan ini terdiri daripada 3 lot rumah kedai. Lot rumah kedai ini merupakan pejabat bagi pentadbiran Pusat Islam, bilik mesyuarat dan bilik staf.

Bil	Bil. Lot	Kepenggunaan Ruang	Bil. Punca Data (Data Point)
1	3	Pejabat, bilik mesyuarat dan bilik staf	20 unit

Jadual 1 : Pembangunan Rangkaian Pusat Islam.

3.0 Pembangunan Sistem Maklumat UniMAP 2010

A. Sistem Maklumat Pusat Kesihatan UniMAP

Sistem Maklumat Pusat Kesihatan UniMAP merupakan satu sistem maklumat berasaskan web yang dibangunkan sepenuhnya oleh Pusat ICT. Ia dibangunkan mengikut spesifikasi keperluan pengguna yang ditetapkan oleh Pusat Kesihatan UniMAP. Ia berupaya untuk merekod, mengemaskini data, dan menghasilkan laporan bagi urusan di klinik bermula dari pengurusan stok ubatan, pendaftaran pesakit, perawatan pesakit, pemberian ubatan dan penjaan surat atau laporan berkaitan perubatan. Ia terdiri daripada lima modul iaitu Modul Pentadbiran, Modul Pendaftaran, Modul Perawatan, Modul Doktor, Modul Farmasi dan Modul Stok.

Sistem ini akan membantu memudahkan lagi pihak pengguna utama iaitu Pusat Kesihatan UniMAP untuk menguruskan maklumat secara berkomputer dengan lebih cekap, berkesan, dan bersistematik. Beberapa ciri keselamatan juga diimplimentasi untuk memastikan data-data yang dimasukkan terhindar dari pencerobohan, dan penyalahgunaan maklumat. Secara keseluruhannya, sistem ini akan mempunyai ciri-ciri asas seperti berikut:

- i) Web-based - dengan ciri ini, aplikasi ini boleh dicapai dari mana sahaja yang mempunyai capaian internet
- ii) Java-based - menggunakan bahasa pemrograman JSP sebagai enjin pemproses dan Javascripts sebagai skrip untuk data validation.
- iii) Menggunakan Pangkalan Data Produksi iaitu Oracle.
- iv) Diintegrasikan dengan Sistem Maklumat Pelajar dan Sistem Maklumat Sumber Manusia secara masa nyata (real-time) untuk memastikan tiada pertindanan data.



Gambar 1 : Contoh Kad Rawatan Pesakit yang direkod dalam sistem

Objektif sistem ini terdiri daripada perkara-perkara berikut:

- i) Membangunkan satu sistem maklumat berpangkalan data yang dapat mempercepatkan urusan mendapatkan rawatan di Pusat Kesihatan.
- ii) Menggantikan sistem manual kepada sistem berkomputer.
- iii) Memudahkan proses penjaan laporan berkaitan rawatan mengikut kehendak pengguna.
- iv) Membangunkan satu sistem yang akan memudahkan pembangun untuk membuat penyelenggaraan, pengubahsuaian, dan meningkatkan taraf sistem yang akan dibangunkan pada masa akan datang.

Gambar 2 : Contoh laporan yang dijana daripada sistem

Sistem ini dibangunkan secara dalaman dan bersesuaian dengan spesifikasi keperluan pengguna yang terdapat di UniMAP. Ia telah mentranformasi cara bekerja staf UniMAP terutama staf di Pusat Kesihatan daripada budaya kerja berdasarkan manual kepada budaya kerja berkomputer. Ia juga mampu mempercepatkan urusan sama ada berkaitan pengurusan pesakit atau pengurusan stok ubatan. Akhir sekali, dengan penggunaan sistem ini mutu penyampaian perkhidmatan awam dapat dipertingkatkan dan seterusnya mendorong ke arah peningkatan produktiviti.

B. Sistem k-Kedatangan Staf Versi 3 (Sistem Perakam Waktu Elektronik UniMAP)

Sistem k-Kedatangan Staf adalah sistem yang dibangunkan secara dalaman oleh Pusat ICT adalah sistem yang melaporkan kehadiran kakitangan UniMAP secara atas talian. Sistem ini mula dibangunkan pada tahun 2003 oleh syarikat swasta yang mana laporannya adalah pegun dan hanya boleh dilihat oleh pentadbir universiti sahaja. Sepanjang masa berlalu, keperluan universiti terhadap laporan kedatangan juga bertambah. Pusat ICT mengambil inisiatif membangunkan sistem k-Kedatangan yang mempunyai laporan secara dinamik dan boleh dicapai oleh setiap kakitangan secara dalam talian.




Gambar 1 : Antara Muka Login k-Kedatangan

Penambahbaikan terhadap sistem k-Kedatangan sentiasa dilakukan dari masa ke masa. Pada tahun 2010, Pusat ICT telah membangunkan sistem k-Kedatangan versi 3 yang memenuhi keperluan terkini pentadbiran UniMAP. Antara laporan yang dimuatkan di dalam k-Kedatangan adalah:

- i. Laporan harian dan laporan kedatangan lewat setiap Pusat Tanggungjawab
- ii. Laporan bulanan setiap kakitangan
- iii. Laporan kehadiran aktiviti
- iv. Laporan khas kunjungan ke perpustakaan
- v. Statistik kehadiran kakitangan

Sistem k-Kedatangan membenarkan setiap kakitangan melihat laporan kehadiran masing-masing. Setiap pegawai dan ketua unit atau jabatan boleh melihat laporan kakitangan yang berada di bawah seliaan masing-masing. Sistem ini juga memenuhi keperluan Pusat Tanggungjawab yang mempunyai waktu bekerja secara syif seperti kakitangan Jabatan Keselamatan dan Perpustakaan.


k-Kedatangan versi 3 dibangunkan bagi memenuhi keperluan pengurusan universiti terhadap laporan-laporan tertentu. Selain itu, ia juga dibangunkan untuk membolehkannya mengadaptasi data-data kakitangan yang berubah hasil daripada perubahan pada Sistem Maklumat Kakitangan yang mana Sistem k-Kedatangan mempunyai integrasi secara langsung.



Gambar 2 : Salah satu laporan statistik di dalam K-Kedatangan



k-Kedatangan versi 3 adalah kesinambungan kejayaan dalam pelaksanaan pentadbiran tanpa kertas (paperless administration) dan memenuhi keperluan universiti yang bersifat bertaburan.



Gambar 3 : Laporan yang terdapat dalam k-Kedatangan

C. Sistem Tempahan Bilik Kuliah Online - E-ROOM



Gambar 1 : Antara Muka E-ROOM

Sistem Tempahan Bilik Kuliah merupakan sistem yang dibangunkan oleh Pusat Teknologi Maklumat. Dibangunkan bagi membantu Unit Penyelenggaraan Dewan/Bilik Kuliah Jabatan Pembangunan UniMAP dalam proses pengurusan tempahan bilik kuliah UniMAP. Ia juga merupakan aplikasi yang memberikan kemudahan kepada kakitangan UniMAP untuk membuat tempahan bilik kuliah secara atas talian.

Objektif Sistem:

- i) Mengatasi masalah pertindihan tempahan bilik kuliah yang dialami oleh kakitangan UniMAP.
- ii) Menggalakkan kakitangan UniMAP untuk melakukan tempahan bilik kuliah secara atas talian sekaligus menambah-baik sistem tempahan secara manual yang sedang digunakan sekarang.
- iii) Memastikan pelaksanaan data dan maklumat-maklumat bilik kuliah dengan tepat.

Terdapat 8 modul di dalam komponen tempahan:

Modul Log Masuk

- » Modul ini berfungsi kepada penempah bilik/dewan , di sini pengguna perlu memasukkan nama dan katalaluan.

Modul Penempahan Bilik Kuliah/Dewan

- » Pengguna perlu mengisi bahagian tempahan serta senarai penempahan akan dipaparkan.

Modul Kemaskini, dan Batal Tempahan

- » Proses kemaskini, dan batal hanya boleh dibuat oleh pengguna yang membuat tempahan dan pentadbir sistem sahaja. Pengguna lain tidak dibenarkan untuk melaksanakan proses ini.

Modul Tambah Bilik Kuliah/Dewan

- » Penambahan bilik dibuat setelah tempat telah ditetapkan. Bilik kuliah/dewan yang hendak ditambah mestilah mengikut lokasi yang ditetapkan.

Modul Tambah Tempat

- » Memudahkan pengurusan tempahan bilik kuliah/dewan, tempat ditetapkan mengikut lokasi.

Modul Pentadbiran

- » Modul yang mentadbir semua perkhidmatan. Ini membantu pentadbir untuk menyelenggara pengguna sistem ini.

Modul Penghantaran Emel


- » Penggunaan emel turut dibangunkan sebagai salah satu fungsi di dalam sistem ini. Emel berfungsi sebagai satu proses kepada pentadbir sistem, dan pengguna dalam memaklumkan status terkini tempahan yang dibuat oleh pengguna.

D. Zimbra Email v6 (UniMAP Staff Email)


Pusat ICT mula menggunakan Zimbra Collaboration Suite (ZCS) Network Edition 6.0 pada bulan Ogos 2010 untuk menggantikan sistem email yang lama iaitu ZCS Network Edition 4.5. ZCS Network Edition yang digunakan di UniMAP adalah versi komersial yang dikeluarkan oleh Zimbra. Pusat ICT telah memperuntukkan sebanyak 2000 akaun lesen untuk menampung jumlah staf UniMAP yang berjumlah hampir 1800 pada ketika ini.

Ciri-ciri ZCS Network Edition 6.0


1. Terdapat 3 pilihan 'client' untuk pengguna. Rujuk Gambar 1.
Advanced (Untuk pengguna Internet Berkelajuan tinggi @Local Area Network dan Peluncur(Browsers) Internet terkini)
Standard (Untuk pengguna Internet Berkelajuan sederhana, Peluncur Internet versi lama)
Mobile (Untuk pengguna telefon bimbit)
2. Antaramuka pengguna (GUI) yang lebih menarik dan mudah dari versi ZCS 4.5. Terdapat pelbagai pilihan tema antaramuka - boleh dipilih sendiri oleh pengguna. Rujuk Gambar 2.
3. Menu 'Preferences' yang lebih mudah dan mengikut kategori untuk memudahkan pengguna menukar tetapan email. Rujuk Gambar 3.
4. Menu Kalendar bagi memudahkan pengguna mencatat aktiviti harian dan temujanji. Aktiviti ini boleh dikongsi dengan rakan-rakan yang lain dengan fungsi jemputan untuk rakan menyertai aktiviti yang dilakukan. Kalendar pengguna juga boleh dikongsi bagi membolehkan rakan atau ketua jabatan untuk melihat aktiviti yang dilakukan pada masa kerja. Rujuk Gambar 4.
5. Pengguna juga boleh berkongsi 'Folder' mereka seperti Inbox, Sent Items dengan rakan-rakan yang dikehendaki. Rujuk Gambar 5.
6. 'Briefcase' untuk pengguna berkongsi fail dan dokumen kerja melalui email. Rujuk Gambar 6.




Gambar 2 : Menu 'Preferences' dibuat mengikut kategori




Gambar 3 : Kalendar ZCS 6.0 - Kongsi Kalendar




Gambar 4 : Jemputan aktiviti melalui kalendar



Gambar 1 : Antaramuka pengguna ZCS Network Edition 6.0 pilihan tema antaramuka



Gambar 5 : Fungsi berkongsi 'Folder' dalam ZCS 6.0



Gambar 6 : 'Briefcase' untuk pengguna email menyimpan dan berkongsi dokumen

E. Aplikasi Sistem E-Didik Universiti Malaysia Perlis

Aplikasi di atas talian ini diwujudkan selaras dengan perjalanan Program Didik Cemerlang Negeri Perlis. Program berbentuk kelas tambahan ini adalah anjuran Universiti Malaysia Perlis dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri Perlis serta Majlis Guru Cemerlang Negeri Perlis. Program berterusan selama tiga tahun ini telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Bin Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia pada tahun 2009. Program ini dilihat mampu mencapai beberapa objektif utama yang disasarkan oleh Universiti Malaysia Perlis iaitu :

- i) Membantu pelajar sekolah yang berpotensi mencapai keputusan yang cemerlang melalui kelas bimbingan yang lebih intensif oleh Guru Cemerlang Negeri Perlis.
- ii) Membimbing pelajar cemerlang melalui bentuk latihan yang lebih komprehensif seperti latihan di dalam serta luar kelas serta kem pendedahan bagi melahirkan pelajar yang cemerlang dari pelbagai aspek.
- iii) Memastikan pelajar cemerlang mendapat maklumat yang lebih tepat berdasarkan latihan dalam kumpulan yang berskala lebih kecil.
- iv) Membina semangat bersaing secara sihat di kalangan pelajar cemerlang.
- v) Sebagai salah satu sumbangan UniMAP terhadap pembangunan sektor pendidikan di negeri Perlis.
- vi) Memartabatkan negeri Perlis sebagai salah sebuah negeri yang memiliki taraf pendidikan yang lebih maju.

Aplikasi ini juga dijadikan sebagai medium untuk pemantauan pelajar cemerlang oleh guru, urusetia mahupun pihak penaung program ini dalam usaha untuk memastikan objektif yang disasarkan tercapai. Aplikasi ini juga berfungsi sebagai laporan penilaian terhadap semua

peserta program selama tiga tahun berdasarkan laporan di dalam aplikasi ini.

F. Online Financial Information System (OFIS)


Online Financial Information System (OFIS) merupakan sistem berasaskan web yang telah dibangunkan pada tahun 2010 oleh Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) atas permintaan Jabatan Bendahari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Sistem ini bertujuan untuk merekodkan maklumat penyata gaji kakitangan UniMAP. Sistem ini juga memudahkan staf-staf menyemak pergerakan gaji, kenaikan gaji, elaun lebih masa dan sebagainya. Aplikasi ini merupakan satu pendekatan inovatif yang sangat sesuai pada masa kini selaras dengan teknologi moden yang mementingkan capaian di hujung jari.

Objektif sistem :

- 1. Merupakan satu penyelesaian bagi masalah kehilangan slip gaji oleh kakitangan UniMAP.
- 2. Memudahkan kakitangan UniMAP mencapai maklumat gaji di mana-mana sahaja pada bila-bila masa.
- 3. Melaksanakan pengendalian data dan maklumat gaji kakitangan UniMAP dengan lebih sistematik.



Gambar 1 : Antara Muka Login OFIS



Gambar 2 : Antara Muka OFIS

G. Cadangan Pembangunan Sistem Maklumat UniMAP 2011

Dalam tahun 2010, Pusat ICT telah pun menerima permintaan pembangunan sistem bagi kegunaan jabatan dalam UniMAP. Sistem-sistem yang dipohon adalah bagi memantapkan lagi proses kerja sesuatu jabatan sekaligus dapat meningkatkan kecekapan dan produktiviti jabatan tersebut. Sehubungan itu, terdapat beberapa sistem yang telah dirancang untuk dibangunkan pada tahun 2011. Antara sistem-sistem tersebut adalah :

- ECIC - Permohonan dari Pusat Kerjasama Industri UniMAP
- EOSHA - Permohonan dari Unit Kesihatan dan Keselamatan Pekerja UniMAP
- EHEPA - Permohonan daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP
- EAnjung- Permohonan daripada Anjung UniMAP Kuala Lumpur dan ;
- AMIS - (Academic Management Information System) - penambahbaikan daripada Sistem Maklumat Pelajar yang sedia ada.

4.0 Kempen Jelajah MyREN Ke UniMAP

Projek Rangkaian Penyelidikan dan Pendidikan Malaysia (MyREN) adalah salah satu program kerajaan di bawah seliaan Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan yang bermatlamat untuk menyediakan infrastruktur rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi bagi kemudahan institusi pengajian tinggi dan pusat penyelidikan di Malaysia.

Objektif utama penubuhan rangkaian Projek MyREN ini adalah untuk menggalakkan kerjasama penyelidikan di antara komuniti penyelidik di dalam Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa bersama-sama komuniti penyelidik di Asia Pasifik, Asia Selatan, Eropah dan juga Amerika.

Program MyREN tersebut kini telah melangkah ke Fasa Kedua di mana UniMAP adalah di antara institut pengajian tinggi awam yang akan menerima pelaksanaan kemudahan infrastruktur jalur lebar berkelajuan tinggi bagi kegunaan para penyelidik dan para pensyarah dalam memenuhi keperluan penyelidikan dan pendidikan di UniMAP.

Bagi memberi pendedahan awal, MyREN dengan kerjasama pihak Pusat ICT UniMAP telah melaksanakan program kesedaran mengenai penggunaan rangkaian MyREN dan faedah yang boleh diperolehi. Program tersebut telah dihadiri dengan jayanya oleh para penyelidik dan pensyarah serta para pelajar UniMAP. Antara penceramah jemputan yang telah hadir pada program tersebut adalah En. Kamal Hisham Kamaruddin (Pengurus Pusat Operasi Rangkaian MyREN), Prof. Dr. Suhaidi Hassan (Universiti Utara Malaysia), Dr. Ling Teck Chaw (Universiti Malaya), Khairul Anuar Bin Mohd Rani (Emerald System Design Representative of High Performance Cyber Design Working Group) dan Joey Low Jarn Ee (*Polycom Territory Manager - Malaysia & Brunei*)

